

**Jenis Akhbar** : Bernama Online

**Tarikh** : 18/11/2021

**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

**Tajuk** : *Koperasi kariah masjid perlu pelbagaikan strategi untuk kekal berdaya saing*

## **KOPERASI KARIAH MASJID PERLU PELBAGAIKAN STRATEGI UNTUK KEKAL BERDAYA SAING**

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Koperasi Kariah Masjid perlu mempelbagaikan strategi perniagaannya untuk kekal berdaya saing serta dapat terus menawarkan perkhidmatan terbaik kepada anggota serta komuniti sekitarnya.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata landskap ekonomi kian berubah dan menuntut inovasi bagi memastikan koperasi tidak terlepas sebarang peluang serta sektor-sektor baharu yang wujud semasa pasca pandemik COVID-19.

"ANGKASA akan terus bekerjasama dengan pemimpin Koperasi Kariah Masjid selain memperkasakan institusi ini bagi memastikan kedudukan sosioekonomi Muslim di negara ini kekal utuh seterusnya menjaga kebajikan ahli kariah," katanya pada majlis penyerahan barangan keperluan asas melalui Projek Barang Asas 100 kepada 150 asnaf dan anggota Koperasi Kariah Masjid Al-Akram KL Berhad di sini, hari ini.

Sehingga 30 Jun lepas, terdapat 462 Koperasi Kariah Masjid dengan keanggotaan 38,620 individu seluruh negara.